



## **Kenyataan Media**

**CYBERJAYA**  
**12 Jun 2023**

### **MCMC AMBIL TINDAKAN TANGANI MASALAH LIPUTAN KOMUNIKASI DI KAMPUNG ORANG ASLI (KOA) BER, POS TUEL GUA MUSANG KELANTAN**

Susulan laporan akhbar Harian Metro dan beberapa akhbar lain pada 2 Jun 2023 berkenaan permohonan penduduk Kampung Orang Asli (KOA) Ber, Pos Tuel di Gua Musang, Kelantan untuk capaian Internet mudah alih dinaik taraf demi kegunaan penduduk di sana, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah bertindak menghubungi penghulu, Encik Razak Rongging pada 3 Jun 2023 bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan aduan yang dikemukakan selain memberikan penerangan kepada penghulu mengenai status semasa liputan.

Sebelum ini, langkah penyelesaian sementara iaitu penambahan capaian Internet di bawah inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 telah dilakukan menerusi perkhidmatan jalur lebar Wifi melalui satelit (BWA) di KOA Ber dan telah mula beroperasi pada akhir suku pertama tahun 2022. Kesudahannya, penduduk setempat di KOA Ber telah menikmati capaian Internet secara percuma dengan had kuota penggunaan penggunaan 3GB seminggu dengan kelajuan 35 Mbps.

Untuk penyelesaian jangka panjang pula, pihak MCMC telah merancang membina menara komunikasi berhampiran dengan KOA Ber dan kini dalam proses mendapatkan kelulusan dari pihak Pesuruhjaya Tanah Kelantan (PTK). Permohonan tersebut telah dihantar oleh penyedia perkhidmatan pada suku pertama 2023 dan jalinan kerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri amatlah dialu-alukan untuk memberi kelulusan PBT

dan tapak bagi pembinaan menara tersebut. Menara itu dijangka siap dan beroperasi pada suku pertama 2024.

Pihak MCMC akan sentiasa memantau pelaksanaan kerja-kerja pembinaan menara komunikasi berhampiran dengan KOA Ber bagi memastikan ianya dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan demi kesejahteraan penduduk.

## **JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC**

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: +60 3 86 88 80 00 | F: +60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV